



KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PELANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN AKTIVITI
PENGUATKUASAAN PENDIDIKAN BAGI PEWARTAAN TEMPAT
MAKAN SEBAGAI TEMPAT DILARANG MEROKOK

Pewartaan tempat makan sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, PPKHT 2004 yang bermula pada 1 Januari 2019 telah mendapat pelbagai reaksi daripada segenap lapisan masyarakat. Pewartaan ini dijalankan selari dengan Artikel 8, perjanjian *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control*.

Melalui tinjauan yang telah dijalankan, rata-rata masyarakat di Malaysia telah mematuhi larangan ini secara baik dan ia telah dapat memberikan impak yang positif dengan semakin ramai warga Malaysia dapat menikmati udara bersih dan persekitaran tempat makan yang lebih selesa. Ini menunjukkan komitmen rakyat Malaysia mematuhi peraturan ini bagi memastikan kesihatan dan keselesaan semua orang ketika menikmati makanan di tempat awam.

Kenyataan di atas telah dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh pihak Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia di mana kebanyakan masyarakat sudah mula tidak merokok di kawasan yang diwartakan. Kajian yang dijalankan bermula pada 1 April hingga 17 April 2019 merupakan kajian yang melibatkan 173 tempat makan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah tersenarai sebagai tempat makan yang

tidak mematuhi larangan ini pada peringkat permulaan pelaksanaan peraturan ini.

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melihat kepatuhan masyarakat terhadap larangan merokok melalui kaedah pemerhatian secara terus di kesemua 173 tempat makan yang disenaraikan. Antara pemerhatian yang dibuat adalah paparan tanda larangan merokok yang jelas dan kehadiran tempat abu rokok di dalam tempat makan. Pemerhatian juga dibuat berkaitan kehadiran pelanggan yang merokok di dalam kawasan yang diwartakan.

Secara purata 170 (98%) tempat makan tidak menyediakan tempat abu rokok di dalam kawasan yang diwartakan dan 131 (76%) tempat makan ini mempunyai tanda larangan yang jelas. Sebanyak 104 (60%) tempat makan adalah 100% bebas daripada sebarang aktiviti merokok manakala 69 (40%) tempat makan lagi hanya mempunyai tidak lebih daripada tiga orang merokok.

Impak positif juga dapat dilihat berkaitan bilangan perokok berdaftar untuk berhenti merokok di laman web jomquit.moh.gov.my di mana bilangan berdaftar telah meningkat kepada 580 orang bermula Januari hingga April 2019, berbanding dengan purata 428 orang bagi tahun-tahun sebelumnya.

Justeru, KKM berpendapat bahawa impak kepada penguatkuasaan pendidikan yang dijalankan telah memberikan kesan yang sangat positif. Namun begitu, KKM juga maklum terdapat perokok yang masih merokok di tempat makan yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok dan perokok yang belum mahu berhenti merokok. Sehubungan itu, bagi memberikan peluang yang secukupnya kepada perokok ini untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang

bahayanya kesan merokok serta kawasan larangan merokok, tempoh aktiviti penguatkuasaan pendidikan ini akan dilanjutkan lagi bagi tempoh enam bulan sehingga akhir Disember 2019.

Pada masa yang sama, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada sepuluh (10) Kementerian lain dan satu (1) wakil daripada badan bukan kerajaan yang telah dipengerusikan oleh saya pada 16 April 2019, telah bersetuju dengan cadangan pelanjutan tempoh aktiviti penguatkuasaan pendidikan. Jawatankuasa ini juga memutuskan agar peruntukan tambahan dipohon kepada Jemaah Menteri agar kumpulan perokok ini dibantu untuk berhenti merokok melalui perkhidmatan berhenti merokok mQuit. Penagguhan ini dibuat bagi meningkatkan usaha kerajaan untuk membantu perokok berhenti merokok kerana memahami kesukaran perokok untuk menghentikan tabiat ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia amat berharap sokongan dan kerjasama daripada semua pihak dalam memastikan kepatuhan kepada kawasan larangan merokok sebagaimana yang terdapat di bawah Peraturan 11, PPKHT 2004 demi untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

YB DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
25 APRIL 2019